

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N11 PERMATANG PASIR

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya berucap walaupun dalam masa yang singkat. Saya selaku pembangkang ingin membincangkan isu yang sangat penting, Ucapan saya pada hari ini akan berkisar mengenai Satu tema utama yang sangat penting untuk diambil perhatian iaitu:

“Isu pemberian biasiswa kepada para pelajar yang menetap atau lahir di Pulau Pinang”

Usul yang saya ingin ketengahkan adalah Isu pemberian biasiswa kepada para pelajar yang menetap atau lahir di Pulau Pinang. Biasiswa merupakan salah satu aspek yang memainkan peranan kritikal dalam memastikan akses pendidikan yang saksama dan berkualiti untuk semua. Pendapat saya pelajar dari keluarga berpendapatan rendah sering menghadapi kesukaran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pengenalan pemberian biasiswa adalah salah satu cara untuk mengurangkan beban kepada keluarga yang tidak mampu ini. Namun, semua pelajar yang layak menerima biasiswa benar-benar mendapat peluang yang sama tanpa ada diskriminasi golongan keluarga seperti B40, M40 Dan T20. Hal ini kerana pemberian kepada pelajar yang layak dengan pendidikan mereka serta keputusan yang diperolehi pelajar tersebut.

Dalam pemerhatian saya, maklumat mengenai biasiswa tidak disampaikan secara terbuka kepada orang ramai terutama kepada pelajar universiti yang melanjutkan pelajaran di negeri lain seperti di negeri Perak. Transparansi adalah penting untuk memastikan tiada penyelewengan atau penyalahgunaan kuasa. Pelajar dan ibu bapa

perlu tahu bagaimana proses pemilihan berlaku dan apa kriteria yang digunakan. Hal ini bagi mengelakkan berlaku yang perselisihan faham sekiranya tidak terpilih dalam biasiswa.

Konklusinya, suka saya ingin menekankan pentingnya memastikan biasiswa disalurkan dengan adil dan berdasarkan keperluan sebenar pelajar. Kita perlu memastikan tiada diskriminasi dan menjaga transparansi dalam proses pemilihan. Pelajar adalah aset masa depan negara, dan mereka perlu diberi peluang yang setara untuk mencapai potensi penuh mereka.

Terima kasih, warga dewan sekalian.

Nurul Wardah Ainin Binti Abdullah
N11 Permatang Pasir
Sidang Muda 2024



SIDANG MUDA
PULAU PINANG